



USIM

**TATACARA PEMILIHAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**TATACARAINI HENDAKLAHDIBACABERSAMA
PERATURAN-PERATURAN
UNIVERSITISAINS ISLAM MALAYSIA
(PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR)
2011 (PINDAAN 2023)**

**TATACARA PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**BAHAGIAN I
PENAMAAN CALON**

1. Dokumen

Pelajar berdaftar yang berhasrat bertanding hendaklah mendaftarkan mengemukakan penamaan calon melalui sistem eUNDI sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Pemilihan dengan melengkapkan **Borang 1A/Borang 1B** dan **Borang 2A/Borang 2B**.

2. Penerimaan Pencalonan

- 2.1 Makluman akan dihantar kepada pencadang calon dan penyokong pencadangan calon melalui sistem eUNDI untuk pengesahan mencadang dan menyokong.
- 2.2 Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon perlu mengesahkan cadangan dan sokongan pencalonan di dalam sistem eUNDI dalam tempoh 24 jam secara bersama atau sebelum tamat tempoh penamaan calon mana yang terdahulu setelah makluman diterima.
- 2.3 Sekiranya pencadang calon atau penyokong pencadangan calon tidak berbuat demikian, maklumat pencadang calon dan penyokong pencadangan calon secara automatik akan terpadam dan calon perlu mengisi semula maklumat kedua-duanya di dalam sistem eUNDI.
- 2.4 Penamaan calon yang telah lengkap diisi akan dihantar terus kepada Dekan Fakulti secara dalam talian untuk pengesahan. Hanya calon yang disahkan oleh Dekan Fakulti dalam tempoh waktu penamaan calon layak bertanding.

3. Am

3.1 Kelayakan calon

- 3.1.1 Calon hendaklah tidak mempunyai apa-apa tanggungan yang boleh melucutkan kelayakannya.
- 3.1.2 Calon tidak dibenarkan untuk menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada calon yang lain.

3.2 Nama calon

Nama calon dalam dokumen penamaan calon hendaklah direkodkan dengan betul dan penuh.

3.3 Pengesahan

Penamaan calon hendaklah disempurnakan oleh calon dan disahkan cadangan dan sokongan oleh pencadang calon dan penyokong pencadangan calon melalui sistem eUNDI.

3.4 Status Pencadang Calon dan Penyokong Pencadangan Calon

Nama pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah tersenarai dalam daftar pemilih terkini yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP di kawasan pemilihan yang calon itu menawarkan diri untuk bertanding.

4. Penarikan Diri

Calon boleh menarik balik penamaan calon pada bila-bila masa sebelum tamat waktu bantahan pada hari penamaan calon menggunakan **Borang 3** melalui sistem eUNDI.

5. Pameran

Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mempamerkan satu salinan dokumen penamaan calon di lokasi penamaan calon untuk bantahan.

6. Bantahan

Bantahan terhadap dokumen penamaan calon hendaklah dibuat sebagaimana dalam Notis Pemilihan menggunakan **Borang 6** melalui sistem eUNDI.

BAHAGIAN II PEMILIHAN TANPA BERTANDING DAN PEMILIHAN YANG DIPERTANDINGKAN

7. Pemilihan Tanpa Bertanding

Jika pada hari penamaan calon dalam mana-mana kawasan pemilihan selepas diputuskan apa-apa bantahan yang mungkin dibuat dan didapati bilangan calon sah bertanding tidak melebihi bilangan kerusi yang dipertandingkan, Jawatankuasa Pemilihan MPP hendaklah dengan serta-merta mengisyiharkan calon tersebut sebagai dipilih dengan menggunakan **Borang 4** dalam sistem eUNDI.

8. Pemilihan Yang Dipertandingkan

Jika pada hari penamaan calon dalam mana-mana kawasan pemilihan, selepas diputuskan apa-apa bantahan yang mungkin dibuat dan didapati bilangan calon sah bertanding melebihi bilangan kerusi yang dipertandingkan, Jawatankuasa Pemilihan MPP hendaklah mengisyiharkan bahawa suatu pemilihan akan dijalankan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Pemilihan dengan menggunakan **Borang 5** dalam sistem eUNDI.

BAHAGIAN III **TATACARA BERKEMPEN**

9. Kawasan Kempen

- 9.1 Kempen dibenarkan diadakan di dalam kawasan kampus dan kawasan kampus cawangan termasuk mana-mana kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP kecuali tempat-tempat berikut:
 - 9.1.1 tempat beribadat;
 - 9.1.2 perpustakaan;
 - 9.1.3 mana-mana tempat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa.
- 9.2 Walau apapun peruntukan perenggan 9.1, mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar hendaklah mendapat kebenaran Pengetua Kolej Kediaman menggunakan **Borang A** sekiranya hendak mengadakan kempen di dalam kawasan kolej kediaman.
- 9.3 Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar yang mengadakan kempen di luar kampus adalah di bawah tanggungjawab sendiri.

10. Taklimat Tatacara Berkempen

Taklimat tentang tatacara mengadakan kempen akan diberikan kepada calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon pada waktu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.

11. Tempoh Berkempen

- 11.1 Tempoh berkempen bermula sebaik sahaja pengumuman akhir calon sah bertanding dan berakhir pada jam 12.01 pagi pada hari pengundian.
- 11.2 Waktu berkempen harian bermula dari jam 8.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah malam.

12. Kaedah Berkempen

- 12.1 Kempen boleh dilaksanakan secara lisan, elektronik atau bukan elektronik, tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Pemilihan MPP dengan melengkapkan **Borang A** atau **Borang B** melalui sistem eUNDI.
- 12.2 Jawatankuasa Pemilihan MPP boleh mengaturkan siri kempen berjadual termasuklah kempen memperkenalkan diri calon mengikut cara yang difikirkan sesuai jika perlu.
- 12.3 Kempen hendaklah dijalankan secara tertib, sopan dan menumpukan kepada pembangunan dan kebajikan pelajar.

- 12.4 Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar adalah dilarang:
 - 12.4.1 memburuk-burukkan pentadbiran Universiti, dasar Kerajaan, peribadi orang perseorangan, pertubuhan atau kumpulan;
 - 12.4.2 membangkitkan isu-isu sensitif tentang agama, bangsa dan negara;
 - 12.4.3 melakukan paksaan, ugutan atau deraan dalam apa jua bentuk sama ada secara fizikal atau mental;
 - 12.4.4 melibatkan orang luar, pelajar atau persatuan pelajar dari institusi pengajian lain; dan
 - 12.4.5 menyokong, membangkang atau menunjukkan simpati kepada mana-mana parti politik.
- 12.5 Kempen boleh dijalankan dengan menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab.
- 12.6 Sebarang kempen berbentuk perarakan sama ada berbentuk perarakan berjalan kaki mahupun berkenderaan adalah tidak dibenarkan.
- 12.7 Sebarang kempen dalam bentuk berkumpulan atau memperlihatkan adanya kumpulan atau platform adalah dilarang sama sekali.

13. Perhimpunan

Perhimpunan yang diaturkan oleh calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar untuk tujuan mengadakan kempen di kolej kediaman hendaklah dinyatakan dalam **Borang A**.

14. Moto dan Manifesto

- 14.1 Calon boleh mempunyai moto tentang dirinya dan manifesto tentang kepimpinannya untuk tujuan mengadakan kempen.
- 14.2 Moto dan manifesto hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemilihan MPP menggunakan **Borang B**.
- 14.3 Moto dan manifesto hendaklah tidak mempunyai persamaan dengan calon yang lain.

15. Poster dan Risalah

- 15.1 Semua poster calon akan disediakan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.
- 15.2 Calon boleh menggunakan poster yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.
- 15.3 Calon boleh mencetak poster sendiri dengan kelulusan Jawatankuasa Pemilihan MPP menggunakan **Borang B**.

- 15.4 Poster tidak dibenarkan dilekatkan di bangunan/harta benda Universiti.
- 15.5 Semua bentuk risalah yang hendak dicetak dan diedarkan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pemilihan MPP menggunakan **Borang B**.
- 15.6 Risalah tidak dibenarkan dilekatkan di bangunan/harta benda Universiti.

16. Tindakan Tatatertib

Sekiranya terdapat laporan tentang gangguan kesejahteraan daripada mana-mana pihak dan didapati mempunyai asas oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP, maka calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pencalonan boleh dibatalkan.

BAHAGIAN IV HARI PENGUNDIAN

17. Cara Mengundi

17.1 Melalui Pusat Pengundian

Cara pengundian adalah melalui sistem undi secara dalam talian yang dikenali sebagai sistem eUNDI. Pengundi diwajibkan membawa kad pelajar (kad matrik) untuk mengundi seperti proses berikut:

- 17.1.1 ID pengundi akan diproses di dalam kad pelajar untuk proses pengundian di terminal undi oleh petugas yang dilantik.
- 17.1.2 Sekiranya kad pelajar disahkan, paparan pilihan kawasan Umum akan dipaparkan pada skrin komputer untuk pengundi mengundi calon kawasan Umum. Paparan pilihan kawasan Fakulti akan dipaparkan pada skrin komputer untuk pengundi mengundi calon kawasan. Hanya kawasan yang melibatkan pertandingan sahaja boleh diakses oleh pengundi.
- 17.1.3 Pengundi dikehendaki mengundi calon pilihan dengan menekan ikon kotak pilihan untuk menanda ‘X’.
- 17.1.4 Pengundi dikehendaki memilih bilangan calon yang dinyatakan di dalam skrin. Kegagalan menanda ‘X’ pada ikon kotak pilihan di dalam skrin akan menyebabkan undi tersebut tidak diterima.
- 17.1.5 Sekiranya pengundi hendak menukar pilihan calon yang telah dipilih, pengundi perlu menekan semula ikon kotak pilihan yang telah ditanda ‘X’ untuk memadamkan pilihan yang telah dibuat.
- 17.1.6 Setelah selesai memilih calon yang dikehendaki, pengundi hendaklah menekan ikon SIMPAN.
- 17.1.7 Setelah selesai menyimpan, pengundi perlu menekan ikon SELESAI.

- 17.1.8 Sekiranya terdapat masalah pada terminal undi, pengundi hendaklah memaklumkan kepada petugas yang dilantik di pusat pengundian.

17.2 Melalui Peranti

Cara pengundian adalah melalui sistem undi secara dalam talian yang dikenali sebagai sistem eUNDI seperti proses berikut:

- 17.2.1 Pengundi perlu memasukkan nombor matrik dan kata laluan untuk mengundi.
- 17.2.2 Paparan pilihan kawasan Umum akan dipaparkan pada skrin peranti untuk pengundi mengundi calon kawasan Umum. Paparan pilihan kawasan Fakulti akan dipaparkan pada skrin peranti untuk pengundi mengundi calon kawasan. Hanya kawasan yang melibatkan pertandingan sahaja boleh diakses oleh pengundi.
- 17.2.3 Pengundi dikehendaki mengundi calon pilihan dengan menekan ikon kotak pilihan untuk menanda ‘X’.
- 17.2.4 Pengundi dikehendaki memilih bilangan calon yang dinyatakan di dalam skrin. Kegagalan menanda ‘X’ pada ikon kotak pilihan di dalam skrin akan menyebabkan undi tersebut tidak diterima.
- 17.2.5 Sekiranya pengundi hendak menukar pilihan calon yang telah dipilih, pengundi perlu menekan semula ikon kotak pilihan yang telah ditanda ‘X’ untuk memadamkan pilihan yang telah dibuat.
- 17.2.6 Setelah selesai memilih calon yang dikehendaki, pengundi hendaklah menekan ikon SIMPAN.
- 17.2.7 Setelah selesai menyimpan, pengundi perlu menekan ikon SELESAI.

BAHAGIAN V PENJUMLAHAN UNDI

18. Keputusan Pemilihan

- 18.1 Ketua Pusat Pengundian hendaklah mengumumkan waktu tamat pemilihan mengikut waktu yang dinyatakan di dalam Notis Pemilihan dan sistem pemilihan akan ditutup oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.
- 18.2 Ketua Pusat Pengundian hendaklah menyemak dan mengesahkan jumlah undi yang diperolehi di Pusat Pengundiannya melalui sistem eUNDI
- 18.3 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menyemak dan mengesahkan jumlah undi yang diperolehi daripada semua Pusat Pengundian melalui sistem eUNDI.
- 18.4 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menghantar maklumat jumlah undi yang diperolehi daripada semua Pusat Pengundian melalui sistem eUNDI kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit untuk semakan seperti berikut:

- 18.4.1 Keputusan Undian Kerusi Umum Ikut Susunan;
 - 18.4.2 Keputusan Undian Kerusi Umum Ikut Undi Tertinggi;
 - 18.4.3 Keputusan Undian Kerusi Fakulti Ikut Susunan Setiap Fakulti;
 - 18.4.4 Keputusan Undian Kerusi Fakulti Ikut Undi Tertinggi Setiap Fakulti;
 - 18.4.5 Bilangan Keluar Mengundi Ikut Fakulti dan Keseluruhan; dan
 - 18.4.6 Bilangan Undi Rosak.
- 18.5 Setelah semakan dibuat ke atas semua laporan seperti dinyatakan di dalam perkara 18.4, Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah mengesahkan laporan melalui sistem eUNDI.
 - 18.6 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah mencetak dan menandatangani keputusan undi setiap Pusat Pengundian dan menyerahkannya kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit.
 - 18.7 Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah menandatangani keputusan undi yang telah dicetak dan ditandatangani oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi dan menyerahkannya kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP.
 - 18.8 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mengumumkan keputusan undi.
 - 18.9 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah memaparkan keputusan undi semasa pengumuman keputusan undi disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP.

BAHAGIAN VI WANG CAGARAN DAN BAYARAN PROSES

19. Wang Cagaran dan Bayaran Proses

- 19.1 Wang cagaran dan bayaran proses adalah sebagaimana Jadual 1.
- 19.2 Wang cagaran dan bayaran proses hendaklah dibayar kepada mana-mana pekerja universiti yang diberi kuasa oleh Bursar.
- 19.3 Wang cagaran hanya akan dikembalikan setelah semua peralatan kempen dipulangkan dan poster serta risalah dibersihkan/diturunkan selepas selesai pengundian dalam tempoh 72 jam atau sekiranya menarik diri daripada bertanding dalam tempoh yang ditetapkan.

1. Sebagaimana diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 1 Februari 2011.
2. Sebagaimana diluluskan dengan pindaan pertama oleh Lembaga Pengarah Universiti pada pada 25 Ogos 2016.
3. Sebagaimana diluluskan dengan pindaan kedua oleh Lembaga Pengarah Universiti pada pada 22 Oktober 2020.
4. Sebagaimana diluluskan dengan pindaan ketiga oleh Lembaga Pengarah Universiti pada pada 24 Ogos 2023.



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 1A

**KERTAS PENGAKUAN CALON
KAWASAN UMUM**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

| |
|--|
| |
| |

Tidak diterima

Diterima

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))

Saya _____ dengan sesungguhnya dan
(Nama seperti di dalam kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)
sebenarnya mengakui bahawa :

1. Saya adalah berkelayakan dengan sewajarnya untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar _____ bagi Kawasan _____ mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
2. Saya tidak hilang kelayakan menurut mana-mana peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau mana-mana undang-undang bertulis lain untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar _____ bagi Kawasan _____
3. Saya tidak dibantah oleh Dekan dari menamakan diri saya sebagai salah seorang calon Ahli Majlis Pewakilan Pelajar 2012 bagi Kawasan _____

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar.

(Tandatangan Calon)

Diperbuat dan diakui dengan sebenar-benarnya oleh yang tersebut namanya iaitu di hadapan saya di _____ pada _____ haribulan _____ .

(Tandatangan Dekan Fakulti)

Cop Rasmi: _____



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 1B

**KERTAS PENGAKUAN CALON
KAWASAN FAKULTI**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tidak diterima

Diterima

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))

Saya _____ dengan sesungguhnya dan
(Nama seperti di dalam kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)
sebenarnya mengakui bahawa :

1. Saya adalah berkelayakan dengan sewajarnya untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar _____ bagi Kawasan _____ mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
2. Saya tidak hilang kelayakan menurut mana-mana peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau mana-mana undang-undang bertulis lain untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar _____ bagi Kawasan _____
3. Saya tidak dibantah oleh Dekan dari menamakan diri saya sebagai salah seorang calon Ahli Majlis Pewakilan Pelajar _____ bagi Kawasan _____

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar.

(Tandatangan Calon)

Diperbuat dan diakui dengan sebenar-benarnya oleh yang tersebut namanya iaitu di hadapan saya di _____ pada _____ haribulan _____ .

(Tandatangan Dekan Fakulti)

Cop Rasmi: _____



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 2A

**KERTAS PENAMAAN CALON
KAWASAN FAKULTI**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

Tidak diterima

Diterima

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))

Nama Penuh:

(Nama seperti di dalam kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan (Baru): _____ Umur: _____ tahun

Jantina : _____ Warganegara : _____

Fakulti: _____

No. Daftar : _____ Tahun Pengajian : _____

Alamat Dalam Semester : _____

Kami yang bertandatangan di bawah ini, pemilih-pemilih bagi Kawasan Pemilihan tersebut di atas menamakan orang tersebut di atas sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar dan memperakui bahawa sepanjang yang kami percaya beliau adalah berkelayakan untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

| Nama dalam Huruf Besar | Fakulti | Nombor Daftar | Tandatangan |
|---------------------------|---------|------------------|-------------|
|---------------------------|---------|------------------|-------------|

Pencadang : _____

Penyokong : _____

Penyokong : _____

Saya dengan ini bersetuju dengan penamaan yang tersebut di atas,

Tarikh : _____

(Tandatangan Calon)

* Calon dikehendaki mengemukakan dua (2) keping gambar berukuran pasport untuk penyediaan pas khas.



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 2B

**KERTAS PENAMAAN CALON
KAWASAN UMUM**

Nama Penuh

(Nama seperti di dalam kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan (Baru): _____ Umur: _____ tahun

Jantina : _____ Warganegara : _____

Fakulti : _____

No. Daftar : _____ Tahun Pengajian : _____

Alamat Dalam Semester :

Kami yang bertandatangan di bawah ini, pemilih-pemilih bagi Kawasan Pemilihan tersebut di atas menamakan orang tersebut di atas sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar dan memperakui bahawa sepanjang yang kami percaya beliau adalah berkelayakan untuk dipilih sebagai seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

| Nama dalam Huruf Besar | Fakulti | Nombor Daftar | Tandatangan |
|---------------------------|---------|------------------|-------------|
|---------------------------|---------|------------------|-------------|

Pencadang : _____ _____ _____ _____

Penyokong : _____ _____ _____ _____

Penyokong : _____ _____ _____ _____

Saya dengan ini bersetuju dengan penamaan yang tersebut di atas.

Tarikh : _____

(Tandatangan Calon)

* Calon dikehendaki mengemukakan dua (2) keping gambar berukuran pasport untuk penyediaan pas khas.



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 3

**NOTIS MENARIK BALIK
PENAMAAN SEBAGAI CALON**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

| |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

Tidak diterima

Diterima

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))

KEPADА :

Jawatankuasa Pemilihan MPP

Pemilihan Kawasan : _____

Saya yang bertandatangan di bawah ini, memutuskan untuk menarik balik penamaan saya sebagai seorang calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia _____ bagi Kawasan _____

Tarikh : _____

Nama : _____ No Kad Pengenalan (Baru) : _____

Alamat Dalam Semester :

Tandatangan Calon



(Isi dua salinan)

**PERMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

BORANG 4

**PENYATA CALON YANG DIPILIH DALAM PEMILIHAN
TANPA BERTANDING**

Saya memperakui bahawa Ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang dipilih bagi Kawasan

adalah seperti berikut:

| Nama dalam Huruf Besar | Nombor Daftar | Nombor Kad Pengenalan |
|---------------------------|------------------|--------------------------|
| 1. _____ | _____ | _____ |
| 2. _____ | _____ | _____ |
| 3. _____ | _____ | _____ |
| 4. _____ | _____ | _____ |
| 5. _____ | _____ | _____ |
| 6. _____ | _____ | _____ |
| 7. _____ | _____ | _____ |
| 8. _____ | _____ | _____ |
| 9. _____ | _____ | _____ |
| 10. _____ | _____ | _____ |

Kerana tiada seorang selain calon yang di atas dinamakan (calon lain atau semua calon lain telah menarik diri atau tidak lagi dinamakan untuk dipilih).

Tarikh : _____

(Tandatangan Jawatankuasa **Pemilihan MPP**)



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 5

**PENYATA CALON YANG DIPILIH DALAM PEMILIHAN
YANG DIPERTANDINGKAN**

Apabila penamaan calon ditutup pada hari ini, _____ orang calon yang disahkan layak bertanding dalam pemilihan pada tahun _____ bagi kawasan _____ adalah seperti berikut :

| Nama Calon | Nama Pencadang | Nama Penyokong | Nama Penyokong |
|------------|----------------|----------------|----------------|
| 1. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 2. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 3. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 4. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 5. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 6. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 7. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 8. _____ | _____ | _____ | _____ |
| 9. _____ | _____ | _____ | _____ |

Tarikh : _____

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 6

**NOTIS BANTAHAN TERHADAP
PENAMAAN CALON**

KEPADА :

Jawatankuasa Pemilihan MPP

Pemilihan Kawasan : _____

Saya yang bertandatangan di bawah ini, memberi notis bahawa saya membantah penamaan calon bernama _____
bagi Kawasan _____
atas asas atau alasan ;

- a) Bahawa kertas penamaan beliau tidak mematuhi kehendak atau telah tidak diserahkan mengikut Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.
- b) Bahawa ternyata daripada kandungan kertas penamaan yang calon itu tidak layak untuk dipilih menjadi Ahli Majlis Perwakilan Pelajar.
- c) Bahawa calon itu telah hilang kelayakan untuk menjadi seorang Ahli Majlis Perwakilan Pelajar di bawah peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tarikh : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____ No. Daftar : _____

Tandatangan Pembantah

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

| |
|--|
| |
| |

Tidak diterima

Diterima

(Tandatangan Jawatankuasa [Pemilihan MPP](#))



(Isi dua salinan)

**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Borang 7

PENYATA KEPUTUSAN PEMILIHAN

Saya memperakui bahawa Ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang dipilih bagi Kawasan

_____ adalah seperti berikut:

| Nama dalam Huruf Besar | Nombor Daftar | Nombor Kad Pengenalan |
|---------------------------|------------------|--------------------------|
| 1. _____ | _____ | _____ |
| 2. _____ | _____ | _____ |
| 3. _____ | _____ | _____ |
| 4. _____ | _____ | _____ |
| 5. _____ | _____ | _____ |
| 6. _____ | _____ | _____ |
| 7. _____ | _____ | _____ |
| 8. _____ | _____ | _____ |
| 9. _____ | _____ | _____ |

Tarikh : _____

(Tandatangan Ketua Pusat Pengundian)

Tarikh : _____

(Tandatangan Jawatankuasa Audit)



**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**PERMOHONAN KEMPEN LISAN
DI KAWASAN KOLEJ KEDIAMAN**

| A. Maklumat Diri (Calon) | | | |
|---------------------------------|--|-----------------|--|
| Nama (HURUF BESAR) | | No. Daftar | |
| No. Kad Pengenalan | | Semester | |
| Program Pengajian | | Tahun Pengajian | |
| Alamat Semester | | No. Telefon | |

| B. Maklumat Kempen | | | |
|---|--|------|--|
| Lokasi | | | |
| Tarikh | | Masa | |
| Ringkasan Kempen (sila nyatakan jika melibatkan sebarang perhimpunan) | | | |

C. Pengakuan

Saya _____ No. Daftar _____ yang akan bertanding di dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia dengan ini mengaku bahawa saya:

- i. telah memahami Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia dan syarat-syarat kempen yang dibenarkan;
- ii. akan mematuhi Tatacara dan syarat-syarat kempen tersebut sepanjang tempoh kempen yang diluluskan; dan
- iii. bersedia dibatalkan pencalonan sekiranya saya ingkar mana-mana peruntukan dalam Tatacara dan syarat-syarat kempen tersebut.

Tandatangan

Tarikh

D. Kelulusan Pengetua Kolej Kediaman

Permohonan yang dikemukakan diluluskan/tidak diluluskan.

Tandatangan

Tarikh dan Cop Rasmi



**PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**PERMOHONAN KEMPEN MEDIA
ELEKTRONIK DAN BUKAN ELEKTRONIK**

| A. Maklumat Diri (Calon) | | | |
|---------------------------------|--|-----------------|--|
| Nama (HURUF BESAR) | | No. Daftar | |
| No. Kad Pengenalan | | Semester | |
| Program Pengajian | | Tahun Pengajian | |
| Alamat Semester | | No. Telefon | |

| B. Maklumat Kempen (Lampirkan Jika Ruangan Tidak Mencukupi/Tidak Sesuai) |
|---|
| |

C. Pengakuan

Saya _____ No. Daftar _____ yang akan bertanding di dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia dengan ini mengaku bahawa saya:

- i. telah memahami Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia dan syarat-syarat kempen yang dibenarkan;
- ii. akan mematuhi Tatacara dan syarat-syarat kempen tersebut sepanjang tempoh kempen yang diluluskan; dan
- iii. bersedia dibatalkan pencalonan sekiranya saya ingkar mana-mana peruntukan dalam Tatacara dan syarat-syarat kempen tersebut.

Tandatangan

Tarikh

D. Kelulusan Jawatankuasa Pemilihan MPP

Permohonan yang dikemukakan diluluskan/tidak diluluskan.

Tandatangan

Tarikh dan Cop Rasmi

**WANG CAGARAN/BAYARAN PROSES
PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**

| BIL. | CAGARAN/PROSES | PERATURAN | KADAR | CATATAN |
|------|---|------------------|-------|---|
| 1 | Wang Cagaran Penamaan Calon | 15 (2) | RM100 | - |
| 2 | Bayaran Bantahan Pencalonan | 19 (3) 19 (6) | RM50 | - Bantahan melalui sistem eUNDI - Dipulangkan jika bantahan sah |
| 3 | Bayaran Rayuan Terhadap Keputusan Bantahan Pencalonan | 20 (1) 20 (5) | RM50 | - Bantahan melalui sistem eUNDI - Dipulangkan jika rayuan dibenarkan |
| 4 | Bayaran Bantahan Keputusan Penjumlahan Undi | 35 (2) | RM50 | - |